

# Sejarah (940)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang menduduki peperiksaan mata pelajaran Sejarah ialah 22 765 orang. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini ialah 62.10, iaitu meningkat sebanyak 3.80 berbanding dengan 58.30 pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

| Gred      | A    | A-   | B+   | B    | B-    | C+    | C     | C-   | D+   | D    | F     |
|-----------|------|------|------|------|-------|-------|-------|------|------|------|-------|
| Peratusan | 6.61 | 4.57 | 6.86 | 8.46 | 10.88 | 12.21 | 12.51 | 6.32 | 5.15 | 5.87 | 20.56 |

## RESPONS CALON

### KERTAS 940/1 (TAMADUN DUNIA HINGGA 1800)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon tidak menguasai fakta-fakta dalam soalan perbandingan. Calon berpengetahuan tentang sesebuah tamadun tetapi tidak menguasai tamadun yang dibandingkan.
- (c) Calon memberikan jawapan berdasarkan logik akal sahaja dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenar.
- (d) Calon memberikan jawapan yang lemah kerana calon kurang membuat pembacaan.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### BAHAGIAN A

##### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor yang menyebabkan tamadun-tamadun awal muncul di sekitar lembah sungai. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik dengan mengemukakan isi jawapan yang lengkap dan huraian serta contoh yang sesuai. Namun begitu, banyak juga calon yang menjawab soalan ini menerangkan zaman prasejarah pada bahagian pendahuluan. Ada juga calon yang menghuraikan isi faktor-faktor berkaitan, seperti sumber makanan dan sumber bekalan air dalam satu perenggan sahaja. Hal ini menyebabkan calon memberikan huraian isi yang ringkas. Terdapat juga kesalahan dalam memberikan huraian dan contoh, seperti menyatakan Sungai Nil terletak di India sedangkan Sungai Nil terletak di Mesir. Calon sepatutnya menghuraikan faktor-faktor seperti kesuburan tanah, sistem pengairan, sumber makanan dan lain-lain.

## **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan pembentukan negara bangsa terhadap kedudukan raja di England. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan yang baik kerana tidak memahami konsep negara bangsa dalam konteks sejarah beraja England. Calon sepatutnya membincangkan kelemahan pengaruh golongan feodal, pengukuhan kuasa raja dalam bidang agama, dan situasi kuasa raja dibatasi oleh parlimen.

## **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan organisasi ketenteraan dalam tamadun Mesopotamia. Terdapat calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana berjaya membincangkan dasar, pengurusan, dan pentadbiran organisasi ketenteraan. Namun demikian, ada calon yang membincangkan perkara-perkara tersebut secara umum dan memberikan contoh yang tidak relevan. Calon sepatutnya membincangkan dasar, pentadbiran, ciri-ciri organisasi ketenteraan seperti komposisi tentera, jenis tentera, dan pemikiran ketenteraan.

## **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor yang membawa perkembangan kapitalisme di Eropah. Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat mengemukakan fakta yang relevan. Walau bagaimanapun, ada calon yang membincangkan isi yang tidak relevan seperti Revolusi Industri. Calon sepatutnya membincangkan konsep kapitalisme, merkantilisme, kolonialisme, Renaisans, reformasi, calvanisme, perkembangan institusi kewangan, perubahan organisasi perniagaan, kemunculan bandar, dan sistem buruh bebas.

## **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perkembangan institusi pendidikan formal dalam tamadun Melayu selepas kedatangan Islam. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan mengikut kehendak soalan kerana menghuraikan peranan ulama dan kaedah pengajaran ulama dalam pendidikan. Calon sepatutnya menghuraikan perkembangan institusi masjid, istana, dan rumah ulama.

## **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana Renaisans menjadi faktor kepada penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa Barat pada abad ke-15 dan ke-16 Masihi. Terdapat calon yang gagal membincangkan jawapan menurut kehendak soalan. Kebanyakan calon membincangkan faktor lain selain daripada faktor Renaisans. Jawapan calon yang baik ialah calon memberikan pendirian tentang faktor yang dianggap sebagai faktor dominan kepada penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa Barat pada abad ke-15 dan ke-16 Masihi.

## **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon menilai sumbangan tamadun India dan tamadun China dalam bidang astronomi. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Hanya segelintir calon yang dapat menilai sumbangan tamadun India dan tamadun China dalam bidang astronomi. Calon sepatutnya menilai pencapaian penulisan kitab, peralatan astronomi, penciptaan kalendar, dan penemuan saintifik bidang astronomi bagi kedua-dua tamadun.

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan tokoh-tokoh ilmu matematik dalam tamadun Yunani dan tamadun Islam. Calon sepatutnya mengemukakan sumbangan tokoh matematik zaman Yunani, seperti Phytagoras, Euclid, Thales, dan zaman tamadun Islam, seperti al-Khwarizmi, Omar Khayyam, al-Kindi, dan Abu Jaafar al-Khamis.

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 9**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan golongan Ansar dalam perkembangan Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW. Jawapan calon bersifat umum dan tidak memberikan fakta yang relevan dengan kehendak soalan, seperti menjelaskan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai ketua agama, tentera, dan negara. Calon sepatutnya menjelaskan peranan golongan Ansar, seperti menerima dan menyokong ajaran Nabi Muhammad SAW, membantu merintis penghijrahan Nabi Muhammad SAW, membantu golongan Muhajirin, mempertahankan kota Madinah, membantu penyebaran Islam, dan menyumbangkan harta serta fikiran untuk perkembangan Islam.

### **Soalan 10**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan Piagam Madinah kepada keutuhan politik pada zaman Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal menegaskan kepentingan Piagam Madinah dalam pengukuhan politik Islam di Madinah dan ada calon yang membangkitkan isi yang tidak relevan, seperti kegiatan ekonomi di Madinah. Calon sepatutnya menghuraikan kelahiran negara Islam, penyatuan penduduk Madinah, kepimpinan Nabi Muhammad SAW, hak dan kebebasan penduduk Madinah, serta penguatkuasaan Piagam Madinah dalam mengukuhkan politik Islam ketika itu.

### **Soalan 11**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan konsep dan jenis-jenis jihad menurut pandangan Islam. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini menyatakan jenis-jenis jihad secara terhad dan tidak menguasai konsep jihad, terutama dari aspek istilah dan bahasa. Calon sepatutnya menyentuh konsep jihad dari perspektif yang lebih luas, iaitu tidak terhad kepada jihad di medan perang sahaja. Calon sepatutnya dapat menjelaskan jihad fizikal, jihad rohani, jihad harta, jihad ilmu, dan jihad menentang nafsu.

### **Soalan 12**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan sejauh mana peranan dasar pemerintahan kesultanan kerajaan Islam Melaka dalam memajukan kegiatan perdagangan pada abad ke-15. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum sahaja dan menjuruskan perbincangan tentang faktor-faktor lain selain dasar pemerintahan kesultanan kerajaan Islam. Calon sepatutnya menjelaskan dasar ekonomi kesultanan kerajaan Islam Melaka secara mendalam. Calon juga harus membincangkan faktor-faktor lain perkembangan perdagangan di Melaka.

### **Soalan 13**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan aspek akidah, akhlak, dan syariah yang menjadi tumpuan ajaran Nabi Muhammad SAW di Mekah dan di Madinah. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum dan tidak membincangkan aspek-aspek tersebut dengan baik. Calon membincangkan istilah solat, iman, larangan mencuri dan membunuh secara umum. Calon sepatutnya membincangkan aspek akidah, akhlak, dan syariah secara jelas di dua lokasi, iaitu di Mekah dan Madinah.

#### **Soalan 14**

Soalan ini menghendaki calon menilai sumbangan Ibnu Battutah dalam bidang penerokaan dan penjelajahan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sumbangan Ibnu Battutah dinilai dalam bidang persejarahan, pelayaran, penulisan, pengetahuan dalam bidang sains sosial dan geografi. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang tidak menilai sumbangan penulisan Ibnu Battutah dengan baik kerana calon sekadar menyatakan nama buku tanpa menilai sumbangan buku tersebut kepada tamadun Islam dan tamadun manusia.

#### **Soalan 15**

Soalan ini menghendaki calon membandingkan konsep ketahanan dan konsep pertahanan antara tamadun Islam dengan zaman Jahiliah. Pada umumnya, calon dapat membandingkan kedua-dua konsep tersebut pada dua zaman yang berlainan. Walau bagaimanapun, calon tidak dapat memberikan huraian yang mantap dan contoh yang relevan. Calon sepatutnya membandingkan kedua-dua zaman tersebut dengan membincangkan persamaan dan perbezaan konsep ketahanan dan pertahanan, etika peperangan, dan serta matlamat peperangan.

#### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon membandingkan ciri-ciri kesenian menurut tamadun Islam dengan tamadun Barat. Calon yang menjawab soalan ini tidak dapat memberikan jawapan yang baik kerana tidak menguasai fakta yang relevan mengenai ciri-ciri tersebut berdasarkan tamadun Islam dan tamadun Barat. Calon sepatutnya membincangkan konsep dan latar belakang kesenian kedua-dua tamadun, matlamat kesenian, pengaruh keagamaan, moral, keindahan, reka bentuk, dan aspek moral.

### **KERTAS 940/2 (SEJARAH MALAYSIA, ASIA TENGGARA, ASIA SELATAN, DAN ASIA TIMUR, 1800 HINGGA 1963)**

#### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah baik. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak menyatakan pandangan terhadap persoalan yang dibangkitkan.
- (b) Jawapan calon tidak mempunyai pengenalan dan penutup yang mantap mengikut kehendak soalan.
- (c) Calon sering mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.
- (d) Calon memberikan isi yang berulang-ulang.

#### ***Komen soalan demi soalan***

##### **BAHAGIAN A**

#### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan institusi penghulu di Perak yang mengalami perubahan selepas campur tangan British pada tahun 1874. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini menerangkan peranan penghulu sebelum campur tangan British sahaja. Hanya sebilangan calon yang dapat menerangkan peranan institusi penghulu sebelum dan selepas campur tangan British. Calon sepatutnya membincangkan peranan institusi penghulu selepas campur tangan British, seperti melaksanakan undang-undang kerajaan pada peringkat mukim, memungut cukai, menyelesaikan pertelingkahan antara anak buah, menjaga keselamatan, mengadili kesalahan ringan, dan mengenakan denda.

### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan pengaruh Islam adalah penting dalam kehidupan masyarakat di Tanah Melayu sebelum campur tangan British. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka membincangkannya secara umum sahaja. Calon sepatutnya membincangkan pengaruh Islam dari aspek politik, perundangan, adat, kepercayaan, ekonomi, pendidikan, kesenian, bahasa dan sastera, dan amalan kehidupan seharian.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah sebelum Perang Dunia Kedua. Kebanyakan calon membincangkan pentadbiran SBUB secara umum sahaja. Calon sepatutnya membincangkan institusi yang berperanan dalam pentadbiran SBUB, seperti gabenor, residen, pegawai daerah, dan ketua-ketua kampung yang dilantik oleh pihak SBUB.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peristiwa-peristiwa yang melibatkan British di negeri-negeri Tanah Melayu antara tahun 1826 hingga tahun 1873. Kebanyakan calon hanya membincangkan tindak balas masyarakat tempatan di Perak, Pahang, Kelantan, dan Terengganu terhadap pentadbiran British. Calon sepatutnya menyatakan beberapa peristiwa penting yang berlaku antara tahun 1826 hingga tahun 1873, seperti Perjanjian Burney, Perjanjian Low, Perang Naning, dan peristiwa pembedilan Kuala Terengganu oleh British.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sebab gerakan penentangan terhadap Malayan Union di Tanah Melayu lebih berjaya berbanding dengan gerakan penentangan antipenyerahan di Sarawak. Kebanyakan calon tidak menjawab mengikut kehendak soalan. Calon membincangkan penentangan terhadap Malayan Union sahaja. Calon sepatutnya membandingkan kedua-dua gerakan penentangan ini dari aspek kepimpinan, sokongan penduduk, pertubuhan politik, sokongan luar, peranan akhbar, dan tindakan British terhadap kedua-dua gerakan ini.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor pembentukan gagasan Malaysia pada tahun 1963. Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan menepati kehendak soalan, iaitu mengaitkan pembentukan Malaysia dengan ancaman komunis di Singapura dan Sarawak, usaha menyegerakan kemerdekaan, keseimbangan kaum, dan kerjasama antara wilayah.

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pengaruh agama Hindu-Buddha dalam sistem pemerintahan beraja di Thailand dan Myanmar sebelum kedatangan Barat. Namun begitu, sebilangan calon hanya membincangkan asal-usul dan ajaran agama Buddha secara umum. Calon sepatutnya menerangkan konsep *dharma* dan konsep *devaraja* dalam pemerintahan beraja di Thailand dan Myanmar, pengaruh kosmologi Hindu-Buddha dalam pemerintahan, gajah putih sebagai simbol kedaulatan, dan pengaruh Hindu-Buddha terhadap kuasa dan peranan raja di Thailand dan di Myanmar.

### **Soalan 8**

Soalan ini menghendaki calon membandingkan susun lapis masyarakat di China dengan masyarakat di Jepun pada abad ke-19. Sebilangan besar calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Calon menjawabnya dengan membahagikan susun lapis masyarakat China dan Jepun kepada dua golongan, iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah, seterusnya membandingkan susun lapis masyarakat di China dengan susun lapis masyarakat di Jepun.

### **Soalan 9**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan mengenai campur tangan British dalam adat resam di India dan amalan diskriminasi Sepanyol terhadap penduduk tempatan di Filipina pada abad ke-19 telah menyebabkan masyarakat peribumi di kedua-dua negara itu bangkit menentang kuasa penjajah. Kebanyakan calon membincangkan jawapan soalan ini secara umum sahaja. Calon sepatutnya menerangkan faktor meletusnya tindak balas peribumi India dengan mengaitkannya dengan tindakan British menghapuskan amalan tradisi mereka. Sementara itu di Filipina, amalan diskriminasi pihak Sepanyol telah menimbulkan penentangan peribumi Filipina, seperti Pemberontakan Cavite, Pemberontakan Novelas, dan Pemberontakan Sarat.

### **Soalan 10**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana pendudukan Jepun di Indonesia dan Myanmar dari tahun 1942 hingga tahun 1945 telah menyemarakkan semangat kebangsaan masyarakat tempatan. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat mengaitkan faktor pendudukan Jepun berserta faktor-faktor lain. Calon haruslah membincangkan kesan pendudukan Jepun, seperti kemenangan Jepun pada awal Perang Dunia Kedua, kekalahan Belanda dan British, pembebasan pemimpin nasionalis, dan lain-lain. Di samping itu, terdapat faktor-faktor selain faktor pendudukan Jepun, seperti faktor agama, pendidikan, bahasa, peranan wartawan, dan golongan intelektual.

### **Soalan 11**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan golongan berpendidikan Barat dalam gerakan nasionalisme di Vietnam dan Thailand pada awal abad ke-20. Kebanyakan calon hanya membincangkan peranan golongan berpendidikan Barat di Thailand. Calon sepatutnya memberikan fokus kepada gerakan nasionalisme di Vietnam yang dipimpin oleh dua tokoh, iaitu Phan Boi Chau dan Pau Chan Trinh. Sementara itu, di Thailand pula, calon perlu membincangkan peranan golongan berpendidikan Barat semasa zaman pemerintahan Raja Vajiravudh dan Raja Prajadhipok.

### **Soalan 12**

Soalan ini menghendaki calon membandingkan sistem pemerintahan republik antara Indonesia dengan Vietnam selepas Perang Dunia Kedua hingga tahun 1960. Sebilangan besar calon gagal membuat perbandingan kerana tidak menguasai fakta yang berkaitan sistem pemerintahan republik di Indonesia dan Vietnam. Calon sepatutnya membandingkan sistem pemerintahan Republik Indonesia dengan Vietnam dari aspek bentuk pemerintahan, kuasa, peranan presiden dan kuasa Dewan Perwakilan Rakyat, dan sebagainya.